

# MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN INDONESIA DI MESIR

Sungguhpun orang-orang Indonesia tidak begitu ramai di Mesir tetapi Hari Kemerdekaan Indonesia yang keenam telah disambut dengan meriah dan sukacita di Mesir. Dari dahulu semangat itu sememangnya telah berakar berumbi dan yang demikian dapatlah diagak bahawa sungguhpun kecil tetapi semangatnya besar. Perayaan yang diadakan oleh mereka disambut dengan sederhana dan dengan cara yang baik – tidak disambut dengan “Cocktail Party”.

*Gambar kiri menunjukkan dif-dif sedang merasai hidangan.*

-----\*-----\*

*Gambar bawah menunjukkan Tuan Muhammad Zin Hasan sedang membacakan amanah Presiden Sukarno yang diucapkan pada Hari Kemerdekaan di Jakarta.*

*- Gambar-gambar Muhammad Mastor Johari.*

